



SIARAN MEDIA

1,399 PROJEK PERUMAHAN SWASTA SAKIT DAN TERBENGKALAI DIPULIHKAN OLEH KPKT

PUTRAJAYA, 30 Januari 2026 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 1 Tahun 2026. Mesyuarat ini memberi penekanan kepada penilaian pencapaian pemulihan projek serta pengukuhan strategi intervensi bagi menangani projek perumahan swasta bermasalah di seluruh negara.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah memaklumkan bahawa **sehingga 31 Disember 2025**, sebanyak **161 projek perumahan swasta berstatus Lewat**, **349 projek berstatus Sakit** dan **99 projek berstatus Terbengkalai** direkodkan di seluruh negara. Beliau menjelaskan bahawa status projek-projek ini berada **dalam kawalan** hasil pemantauan berterusan dan pelaksanaan intervensi bersasar melalui platform TFST. Pendekatan proaktif ini telah membolehkan **tindakan pemulihan dilaksanakan secara lebih teratur dan berfokus**. Dalam perkembangan yang memberangsangkan, **jumlah projek terbengkalai menunjukkan penurunan, iaitu daripada 102 projek kepada 99 projek**, sekali gus mencerminkan keberkesanan kerjasama erat antara TFST dan pihak berkepentingan dalam memulihkan projek perumahan demi kepentingan pembeli dan kesejahteraan rakyat.

Sejak penubuhan TFST Bilangan 1/2023, sebanyak **1,399 projek perumahan swasta telah berjaya dipulihkan** yang melibatkan **167,423 unit rumah dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM133.78 bilion**. Daripada jumlah tersebut, **109 projek berjaya dipulihkan daripada status Sakit kepada Lancar**, manakala **1,265 projek Sakit telah disiapkan sepenuhnya sehingga memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* -**

CCC). Selain itu, sebanyak **34 projek Terbengkalai juga telah berjaya dipulihkan**, sama ada melalui penyiapan fizikal projek mahupun penyelesaian pembeli.

Sepanjang tahun 2024 dan 2025, YB Datuk Hajah Aiman Athirah mengekalkan momentum pemantauan yang konsisten melalui **lawatan ke 68 buah projek** iaitu sebanyak 46 projek telah berjaya disiapkan sepenuhnya dan memperoleh **Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)**. Projek selebihnya pula menunjukkan perkembangan fizikal yang memberangsangkan dan dijangka siap mengikut jadual yang ditetapkan.

“Pencapaian ini merupakan hasil **kerjasama strategik serta komitmen berterusan antara pasukan TFST, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Teknikal, Agensi Penyedia Utiliti dan pihak pemaju** dalam memastikan setiap isu ditangani secara menyeluruh dan berfokus kepada penyelesaian”, ulas beliau.

TFST akan terus berfungsi sebagai platform utama dalam menangani isu projek perumahan swasta bermasalah, dengan cadangan penyelesaian yang praktikal, berkesan dan memberi impak nyata. Usaha berterusan ini selaras dengan komitmen KPKT untuk mengurangkan bilangan projek bermasalah secara berperingkat dan mencapai sifar projek perumahan terbengkalai menjelang tahun 2030. KPKT kekal komited untuk memperkukuh mekanisme pemantauan, melaksanakan intervensi awal dan bersasar, serta memastikan hak dan kepentingan pembeli rumah sentiasa dilindungi.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

